

ANNUAL REPORT ON TECHNICAL INVENTORY
POLYUICOLIC ACID AND POLYURIDYLIC ACID

MOLECULAR BIOLOGY INSTITUTE

LP
40
FPE
1
2012

CHU:9024

1100089302

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah (UMT)
Universiti Malaysia Terengganu

LP 40 FPE 1 2012



1100089302

Analisis penggunaan tenaga elektrik, populasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia / Noraqlily Riana Jasmin.



**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089301

1100089.50

—
—
—

1. *Journal of Clinical Endocrinology*

1100089302

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**ANALISIS PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK, POPULASI DAN
PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA**

**NORAQLILY RIANA BINTI JASMIM
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT PENGAJIAN**

**JABATAN EKONOMI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT**

2012

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (ECO 4998/9) ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali sumber-sumber yang telah saya jelaskan rujukannya.

.....
15 Jun 2012


.....
NORAQLILY RIANA BT JASMIM
UK 20878

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (ECO 4998/9) is the result of my own investigation and findings, accept where otherwise stated.

.....
15th June 2012


.....
NORAQLILY RIANA BT JASMIM
UK 20878

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya panjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan berkat dan kurniaNya dapat saya menyiapkan kertas projek ini walaupun terdapat pelbagai kesulitan yang telah berlaku. Dalam menyiapkan kertas projek ini, komitmen yang tinggi dan kerajinan merupakan faktor yang paling penting tetapi tanpa bantuan penyeliaan daripada seorang penyelia, saya tidak mampu untuk menyiapkan dengan sempurna. Dengan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada **Dr. Nanthakumar Loganathan** selaku penyelia saya yang penuh dedikasi dalam memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar serta meluangkan masa yang begitu berharga dalam sepanjang tempoh penyiapan Projek Ilmiah Tahun Akhir dalam program sarjana muda saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Seterusnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pensyarah di UMT terutamanya pensyarah Jabatan Ekonomi Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Tidak ketinggalan juga kepada jabatan-jabatan universiti serta jabatan-jabatan kerajaan yang telah sudi memberi kerjasama dalam merealisasikan sumber dalam kerja projek ini. Sesungguhnya, segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan amat berharga buat diri saya.

Teristimewa kepada ahli keluarga saya yang tersayang terutamanya buat kedua ibu bapa saya iaitu Encik Jasmim bin Hussain dan Puan Harison binti Mustan kerana memberi sokongan dan dorongan yang tidak terhingga sepanjang tempoh pengajian dan penyiapan kerja projek ini. Selain itu, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya iaitu Badlina, Nora, Azhar dan lain-lain lagi dalam tempoh tiga tahun pengajian di UMT kerana telah banyak membantu memberikan pandangan dalam menjayakan projek ini.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan projek ini. Semoga laporan ini dapat memanfaatkan kepada sesiapa yang membacanya.

Sekian terima kasih.

Noraqlily Riana binti Jasmim
Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)
Email: lily_ntiss@yahoo.com.my

ABSTRAK

Matlamat asas kajian ini adalah bertujuan untuk mengupas penggunaan elektrik di negara Malaysia menggunakan pendekatan pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan jumlah populasi sebagai alat untuk mengkajinya. Umumnya, pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan jumlah populasi memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan penggunaan tenaga elektrik dalam sesebuah negara. maka Kajian ini telah mengguna pakai data siri masa untuk mengukur kadar penggunaan tenaga elektrik. Hasil keputusan kajian dengan jelas menunjukkan pertumbuhan ekonomi dan pertumbuhan jumlah populasi mempengaruhi penggunaan tenaga elektrik di Malaysia. Keputusan kajian ini juga seiring dengan penemuan kajian terdahulu, di mana semakin meningkat pertumbuhan ekonomi dan jumlah populasi semakin meningkat penggunaan tenaga elektrik. Justeru, kajian ini secara tidak langsung telah mengetahui punca mengapa penggunaan tenaga elektrik di negara kita ini semakin meningkat disebabkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhinya.

ABSTRACT

The basic goal of this study is to delve into the use of electricity in Malaysia's approach to economic growth and population growth as a tool to study them. Generally, economic growth and population growth play an important role in determining the electrical energy consumption in a country. Then this study has adopted a time series data to measure the rate of electricity consumption. The results of the study clearly show the economic growth and population growth affect electricity consumption in Malaysia. This result is also in line with previous findings, in which increasing population growth and increasing electricity consumption. Thus, this study has indirectly knows the reason why the use of electricity in our country has been increasing due to the factors that influence it.